

09/10/2003

CIP dapat sambutan

SAMBUTAN menggalakkan terhadap Cradle Investment Programme (CIP) yang dimulakan Jun lalu membuktikan golongan muda berminat menceburi bidang keusahawanan dan menyumbang idea baru ke arah kemajuan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Hashim Ismail, berkata 783 permohonan diterima sehingga tarikh tutup fasa pertama 17 September lalu dan 20 sudah menerima geran daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 September.

"Permohonan lain sedang diproses kerana kita membuat pemilihan berterusan dengan tarikh tutupnya pada 15 hari bulan setiap bulan.

"Kerajaan yakin golongan muda mempunyai pelbagai cadangan dan kita akan menganalisis dari semasa ke semasa, selaras hasrat memajukan industri modal teroka," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Dr Maximus Ongkili (BN-Bandau).